

# Negeri Sembilan raih pelaburan berjumlah RM7.25 bilion tahun lalu

**Seremban:** Negeri Sembilan mencatatkan pelaburan berjumlah RM7.25 bilion tahun lalu, dengan 208 projek diluluskan meliputi sektor pembuatan, perkhidmatan dan sektor utama pelbagai kementerian tahun lalu, demikian persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) di beritahu, semalam.

**Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun** berkata, RM3.4 bilion atau 46.9 peratus daripada jumlah itu adalah pelaburan asing membabitkan projek berteknologi tinggi.

Beliau berkata, projek itu membabitkan pembesaran Safran Landing Systems (RM650 juta) dari Perancis, Fraser and Neave (RM1.8 bilion) dari Amerika Syarikat dan Singapura, AntMed Malaysia (RM700 juta) dari China, MyNAFCO Malaysia (RM300 juta) dari Taiwan dan projek pembesaran Shin Heung Sec (RM100 juta) dari Korea Selatan.

“Sepanjang 2019 sehingga Disember tahun lalu, jumlah keseluruhan pelaburan asing yang diluluskan di negeri ini dalam pelbagai sektor ekonomi adalah RM24.1 bilion,” katanya.

Beliau menjawab soalan **Datuk Seri Mohamad Hassan (BN-Rantau)**, diwakili Datuk Mohd Zaidy Abdul Kadir (BN-Jeram Padang), mengenai jumlah pelaburan asing di negeri ini bagi tempoh Januari tahun lalu hingga Februari lalu.

Aminuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sikamat berkata, data rasmi daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) bagi pelaburan suku pertama tahun ini dijangka diumumkan



*“Sepanjang 2019 sehingga Disember tahun lalu, jumlah keseluruhan pelaburan asing yang diluluskan di negeri ini dalam pelbagai sektor ekonomi adalah RM24.1 bilion”*

**Aminuddin**

pada Mei.

“Bagaimanapun, berdasarkan rekod kelulusan projek daripada Invest NS, bagi tempoh Januari hingga Februari tahun ini, enam projek diluluskan dengan anggaran pelaburan RM1.505 bilion,” katanya.

Daripada jumlah itu, empat projek membabitkan pelaburan asing iaitu dari On Semiconductor (Amerika Syarikat), T. Hassegawa Flavour dan Medijoy (Jepun) serta In Win Asia (Taiwan).

“Berdasarkan rekod Mida, tarikan pelaburan sepanjang tahun lalu mencipta 4,684 peluang pekerjaan baharu. Jumlah ini melebihi angka pada 2023 yang menawarkan 3,250 peluang pekerjaan,” katanya. - Bernama